



Sultan Nazrin **beramah mesra** dengan penerima Anugerah Geran Merdeka 2015, Ling Ling dan Mohd Sukor pada majlis Pengumuman Penerima Anugerah Merdeka 2015 di Menara Berkembar PETRONAS, Kuala Lumpur.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

6 terima Anugerah Merdeka 2015

» *Hargai sumbangan tokoh dalam pelbagai bidang*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pembabitan proaktif dalam misi kemanusiaan antarabangsa, khususnya membantu umat Islam Palestin melalui Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) membole-

kan Tan Sri Dr Jemilah Mahmood muncul salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2015.

Majlis pengumuman penerima anugerah itu disempurnakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka yang juga Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Menara Berkembar PETRONAS, di sini, semalam.

Setiap pemenang menerima piala, lukisan yang dihasilkan Latiff Mohidin dan wang tunai sebanyak RM500,000.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Dr Jemilah dipilih dalam kategori Pendidikan dan Komuniti berasaskan sumbangannya sebagai pengasas Mercy Malaysia dan turut terbabit sebagai sukarelawan untuk membantu golongan yang memerlukan di dalam dan luar negara.

Lima penerima anugerah

Selain beliau, lima individu lain menerima anugerah berprestij berkenaan adalah Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri, Prof Emiritus Tan Sri Dr Zaki Abdul Hamid.

Seterusnya, Felo Penyelidik Ekologi dan Biodiversiti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emiritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad dan Pa-

kar Mikrobiologi, Biologi Molekul dan Bioteknologi, Prof Datin Paduka Khatijah Mohamad Yusoff.

Turut menerima anugerah adalah Pemilik dan Ketua Pusat Kajian Ionik dan Cecair Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Mohd Ali Hashim dan Naib Presiden Pusat Perlindungan Hidupan Liar di New York, Dr Elizabeth Lesley Bennet.

Temui 18 spesies baharu

Dr Abdul Latiff yang terbabit aktif dalam kajian biodiversiti serta berjaya menemui 18 spesies baharu tumbuhan untuk kegunaan saintifik berkongsi anugerah bagi kategori Alam Sekitar dengan Prof Zakri.

Dekan Fakulti Sains Bioteknologi dan Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Khatijah menerima anugerah dalam kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi manakala Dr Mohd Ali yang juga pengkaji teknologi hijau dari UM dipilih bagi kategori Pencapaian Akademik.

Dr Bennet yang datang ke negara ini pada tahun 1984 bagi menjalankan kajian pemuliharaan hidupan liar khususnya di Sarawak, dipilih bagi kategori Sumbangan Untuk Rakyat Malaysia.

Pada majlis itu, Sultan Nazrin turut menyerahkan Anugerah Geran Merdeka 2015 kepada dua penyelidik muda iaitu Dr Mohd Sukor Su'ait dan Chua Ling Ling.

Baginda bertitah sejak diperkenalkan pada tahun 2007, sebanyak 28 individu dan dua organisasi menerima anugerah berkenaan.

“Pemilihan pemenang anugerah ini yang bermula pada bulan Januari dibuat secara meluas dan teliti, hanya yang mempunyai hasil luar biasa akan layak ke peringkat akhir,” titahnya.